

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)38

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

38. Kemudahan awam di Teluk Kumbar dilihat ketinggalan.
- (a) Apakah perancangan pembinaan Pasar Awam MBPP di Teluk Kumbar disertakan elemen seperti Pusat Perkhidmatan Setempat untuk urusan harian dengan mengambil kira populasi penduduk kian meningkat?
 - (b) Jika tidak, bolehkah ianya disertakan bagi membolehkan wujudnya sistem perbankan dan pejabat pos di situ nanti?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

38. (a) Projek pembinaan Pasar Awam di Teluk Kumbar merupakan satu usaha dan perancangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam menyediakan kemudahan awam melibatkan pasar dan Rumah Mampu Milik kepada penduduk setempat di kawasan tersebut. Sehingga kini, MBPP telah membuat panggilan RFP untuk pembangunan pasar awam dan rumah mampu milik di atas Lot 908, Mukim 9, Teluk Kumbar,

Daerah Barat Daya dan RFP tersebut telah ditutup pada 8 November 2021. Bagi memastikan petender boleh menyediakan konsep pembangunan yang terbaik, pihak MBPP tidak menetapkan sebarang syarat khusus seperti penyediaan Pusat Perkhidmatan Setempat, bank dan pejabat pos. Walau bagaimanapun, pihak petender perlu mematuhi semua garis panduan berkaitan perancangan pembangunan yang berkuatkuasa dalam menyediakan RFP masing-masing. MBPP seterusnya akan membuat penilaian ke atas RFP tersebut sebelum membentangkan keputusan penilaian untuk pertimbangan Mesyuarat Lembaga Perolehan MBPP.

- (b) Secara umumnya, faktor-faktor yang diambil kira oleh sesebuah institusi kewangan dalam membuat penilaian bagi pembukaan cawangan ialah kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran, keperluan serta permintaan perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat. Selain daripada pembukaan cawangan bank, terdapat saluran alternatif lain telah disediakan oleh

institusi kewangan bagi menyokong dan meningkatkan penyampaian kemudahan asas perkhidmatan perbankan di kawasan luar bandar. Antaranya termasuklah penyediaan ejen bank (EB) yang menawarkan beberapa perkhidmatan kewangan asas seperti penyimpanan dan pengeluaran deposit, khidmat pemindahan dana, pembukaan akaun, pembayaran balik pembiayaan dan pembayaran bil utiliti. Ejen bank terdiri daripada entiti perniagaan seperti kedai runcit, stesen minyak, pejabat pos dan koperasi yang dilantik oleh pihak institusi perbankan seperti Bank Simpanan Nasional, Agrobank, Bank Rakyat, Maybank, RHB Bank dan Bank Islam untuk menyediakan perkhidmatan perbankan asas, terutamanya di kawasan pedalaman yang jauh daripada cawangan bank. Sehubungan itu, MBPP akan meneliti keperluan semasa penduduk setelah proses penilaian dan pemilihan RFP Pasar Awam Teluk Kumbar tersebut selesai dilaksanakan.